

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 16 MAC 2015

RUJUKAN : 7512

SOALAN:

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah fungsi dan peranan Unit
Tindakan Khas (UTK) Polis Diraja Malaysia (PDRM).**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Tindak Khas (UTK) telah ditubuhkan pada 01 Januari 1975 dengan peranan utama untuk membanteras ancaman keganasan oleh Kumpulan Pengganas Antarabangsa (*International Terrorist*) yang mula berleluasa dan mengancam keselamatan negara ketika itu dan adalah penting bagi negara untuk memiliki pasukan elit yang boleh digerakkan serta merta untuk menangani serangan pengganas.

UTK adalah salah satu unit elit PDRM yang berperanan untuk menangani keganasan di bandar. Sebagai satu unit gempur yang terlatih, unit ini mampu untuk bertindak dengan pantas ketika melaksanakan sesuatu misi sulit atau '*highly sensitive mission*'. Peranan dan fungsi utama UTK adalah mengambil semua tindakan yang perlu terhadap kejadian keganasan yang melibatkan kepentingan kerajaan Malaysia dan kepentingan kerajaan asing di Malaysia.

Walau bagaimanapun, semasa tiada operasi serangan pengganas atau misi sensitif yang lain, UTK dikehendaki melaksanakan penugasan serta memberi bantuan kepada Pasukan Polis dalam tugas berat dan utama seperti:-

- i. Menangani jenayah terancang yang melibatkan penggunaan senjata api, keganasan atau penawanan tebusan;**
- ii. Memberi litupan kawalan keselamatan ke atas VVIP dalam dan luar negara yang berisiko tinggi; dan**
- iii. Melaksanakan lain-lain penugasan polis di mana penglibatan UTK dianggap perlu oleh Ketua Polis Negara atau Timbalan Ketua Polis Negara.**

Unit Tindakan Khas (UTK) telah membuktikan kejayaan dan kecemerlangannya sejak mula ditubuhkan dengan menempa pelbagai kejayaan seperti berjaya menghapuskan penjenayah-penjenayah yang paling dikehendaki, Pencerobohan di Lahad Datu dan sebagainya.